

KEPIMPINAN CINA DALAM SEJARAH PERKEMBANGAN POLITIK DI SABAH (1961-2000)



LEE BIH NI
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
KOTA KINABALU
2010**

KEPIMPINAN CINA DALAM SEJARAH PERKEMBANGAN POLITIK DI SABAH (1961-2000)

LEE BIH NI



**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
KOTA KINABALU
2010**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

_____IJAZAH : _____

_____SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: _____

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

TARIKH: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGESAHAN

NAMA : **LEE BIH NI**
NO MATRIKS : **PS04-003-014**
TAJUK : **KEPIMPINAN CINA DALAM SEJARAH
PERKEMBANGAN POLITIK DI SABAH
(1961-2000)**
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (SEJARAH)**
TARIKH VIVA : **18 MEI 2010**

DISAHKAN OLEH

1. **Penyelia**
Profesor Madya Dr. Ismail Ali
- 



PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa tesis ini adalah hasil penyelidikan saya dengan panduan maklumat dan peristiwa sejarah yang diperoleh daripada pengkaji-pengkaji Sejarah Sabah yang lain. Sumber-sumber panduan telah dinyatakan dan diberi penghargaan dalam penulisan ini.

30 OGOS 2010

LEE BIH NI
PS04-003-014



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **LEE BIH NI**
NO. MATRIKS : **PS04-003-014**
TAJUK : **KEPIMPINAN CINA DALAM SEJARAH
PERKEMBANGAN POLITIK DI SABAH
(1961-2000)**
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (SEJARAH)**
TARIKH VIVA : **18 MEI 2010**

DISAHKAN OLEH

1.

PENYELIA

Profesor Madya Dr. Ismail Ali



PENGHARGAAN

Kaji selidik ini telah dijalankan di bawah bantuan pelbagai pihak. Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka yang memberi sumbangan secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Kebanyakan daripada bahan sumber dalam kaji selidik ini telah dirujuk di Pusat Penyelidikan Borneo Perpustakaan Tun Fuad Stephens, Arkib Negeri Sabah, Sabah Theological Seminary, Basel Christian Church of Malaysia, Kudat dan Kota Kinabalu. Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan di semua badan tersebut yang telah memberi bantuan. Penghargaan juga disampaikan kepada Persatuan Hakka dan Persatuan Hokkien Kota Kinabalu yang turut membantu penulis semasa penyelidikan ini dijalankan. Sekolah Menengah Tshung Tsin, Sekolah Menengah Kian Kok, ibu pejabat SAPP, LDP, MCA dan Dewan Perniagaan Tionghua Sabah juga telah memberi sedikit-sebanyak bantuan dan kemudahan mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan ini.

Tidak lupa juga, ribuan terima kasih diucapkan kepada penyelia penulis iaitu Dr. Ismail Ali yang meluangkan masa untuk menyemak draf penulisan tesis ini; Profesor Dr. Sabihah Osman yang memberi pandangan semasa pembentangan kertas cadangan tesis ini. Komen membina daripada pensyarah-pensyarah telah membantu memperbaiki penulisan ini. Dalam pada itu, cadangan-cadangan tambahan daripada pensyarah-pensyarah Universiti Malaysia Sabah terutamanya Profesor Madya Dr. Jacqueline Pugh-Kitingan, Encik Mohamad Shaukhi M. Radzi, Cik Jalilah Md. Shah, Dr. Kntayya Mariappan adalah amat dihargai. Penulis juga berterima kasih kepada mantan Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee; Ketua Pergerakan Pemuda LDP (2005), Teo Chee Kang; Penasihat Ekonomi Kerajaan Negeri, Dr. Pang Teck Wai; Menteri Pembangunan Sumber Dan Teknologi Negeri Sabah, Dr. Yee Moh Chai (juga Timbalan Presiden PBS) yang sudi ditemubual; Puan Radina Rumbang yang membantu menyemak bahasa tesis ini dan para informan yang membekalkan maklumat berharga.

LEE BIH NI
KOTA KINABALU
SABAH
30 OGOS 2010

ABSTRAK

KEPIMPINAN CINA DALAM SEJARAH PERKEMBANGAN POLITIK DI SABAH (1961-2000)

Kepimpinan dalam masyarakat imigran adalah satu persoalan penting dalam sejarah politik masyarakat berbilang etnik seperti di Malaysia. Dalam hal ini masyarakat imigran Cina di Sabah mempunyai sejarah yang tersendiri termasuk kepimpinan politik masyarakat ini yang jelas merupakan sebahagian daripada sejarah politik wilayah ini. Kajian ini adalah satu usaha melihat faktor yang menjadi asas dalam perkembangan politik masyarakat Cina di Sabah dari 1961 hingga 2000. Kajian ini membincangkan bagaimana kepimpinan Cina berubah dalam perkembangan politik di Sabah dari 1961 hingga 2000. Persoalan di sini mengapa kepimpinan Cina berubah dalam perkembangan politik di Sabah dari 1961 hingga 2000? Apakah faktor asas yang mendorong perubahan kepimpinan Cina? Andaian kajian ini adalah kepimpinan berubah disebabkan faktor kepimpinan yang dapat menentukan *survival* masyarakat Cina. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor asas yang mendorong perjuangan kepimpinan Cina dalam perkembangan politik di Sabah dari 1961-2000. Kajian ini cuba menggalurkan perkembangan kepimpinan politik masyarakat Cina dari 1961 hingga 2000. Ia juga cuba meninjau pengaruh faktor asas yang mendorong perubahan kepimpinan masyarakat Cina dalam kepimpinan politik masyarakat berbilang etnik seperti di Sabah untuk menjawab persoalan kajian ini. Hasil kajian ini mendapati sebab yang mempengaruhi perubahan kepimpinan Cina dari 1961-2000 adalah faktor kepimpinan yang dapat menentukan *survival* masyarakat Cina. Kepimpinan Cina dalam perkembangan politik di Sabah dari 1961-2000 adalah bersifat kepentingan politik.

ABSTRACT

The leadership of immigrant societies is an important question in multi-ethnic political history like Malaysia. In this context, the Sabah Chinese immigrant society have their own history including political leadership which is clearly part of the political history in this region. This study is an effort to see the factor which became the fundamental of Chinese society's political development in Sabah from 1961 until 2000. This study is to discuss how the Chinese leadership has changed in the political development in Sabah from 1961-2000. This thesis examines the question why the Chinese leadership has changed in the political development in Sabah from 1961-2000. The Hypothesis is Chinese leadership changed because of leadership factor which can determined the Chinese community survival importance safeguard. This research is to study the fundamental factor which encourage the change of Chinese leadership in Sabah political development from 1961-2000. This study has reviewed the fundamental factor which encourage the struggle and Chinese leadership in a multi ethnic society political leadership like Sabah state. This thesis discovers that factor which affected the change of Chinese leadership is the factor of leadership which can determined the survival importance safeguard that wanted by the Chinese community. Chinese leadership in the history of Sabah political development 1961-2000 was political importance characteristic.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRACT	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xii
SINGKATAN	xiii

BAB SATU: PENGENALAN

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Permasalahan Kajian	13
1.2 Tujuan dan Objektif Kajian	14
1.3 Kepentingan Kajian	16
1.4 Metodologi Kajian	18
1.5 Skop dan Batasan Kajian	19
1.6 Sorotan Literatur	20
1.7 Struktur Tesis	27
1.8 Kesimpulan	29

BAB DUA: SEJARAH AWAL KEDATANGAN MASYARAKAT CINA KE BORNEO UTARA

2.0 Pendahuluan	31
2.1 Kemasukan Cina di Bawah Pentadbiran BNBCC	34
2.2 Diaspora Migrasi Masyarakat Cina	40
2.3 Penyatuan Awal Masyarakat Cina	73
2.4 Pentadbiran Jepun di Borneo Utara	79
2.5 Gerakan Penentangan Cina Terhadap Pentadbiran Jepun	81
2.6 Pentadbiran Kerajaan British (1946-1961)	85
2.7 Kesimpulan	93

BAB TIGA: KEPIMPINAN CINA MENJELANG KEMERDEKAAN SABAH (1961-1963)

3.0 Pendahuluan	95
3.1 Reaksi Kepimpinan Cina	95
3.2 Pandangan Kepimpinan Cina	106
3.3 Penyertaan Profesional dalam UP	112
3.4 Kesimpulan	129

BAB EMPAT: KEPIMPINAN CINA SEMASA PENTADBIRAN KERAJAAN PERIKATAN (1963-1976) DAN KERAJAAN BERJAYA (1976-1985)

4.0 Pendahuluan	131
4.1 Kepimpinan Cina Semasa Pilihanraya 1967	131
4.2 Kepimpinan Cina dalam Kerajaan Perikatan (USNO-SCA)	150
4.3 Krisis Kepimpinan Cina Semasa Pentadbiran Kerajaan Perikatan	161
4.4 Tumbangnya Kerajaan Perikatan di Negeri Sabah	167
4.5 Kepimpinan Cina Semasa Pentadbiran Berjaya	172
4.6 Perubahan Kepimpinan Cina dalam Pilihanraya Negeri 1985	184
4.7 Krisis Kepimpinan Cina di Negeri Sabah dan Pendirian Cina 1985	200
4.8 Tumbangnya Kerajaan BERJAYA di Negeri Sabah	204
4.9 Kesimpulan	218

BAB LIMA: KEPIMPINAN CINA SEMASA PENTADBIRAN KERAJAAN PARTI BERSATU SABAH (1985-1994) DAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL (1994-2000)

5.0 Pendahuluan	220
5.1 Kekusutan Politik di Sabah	220
5.2 Hala Tuju Perjuangan Kepimpinan Cina Semasa Pentadbiran PBS	238
5.3 Pendirian Cina dalam Pilihanraya 1990	247
5.4 PBS Menjadi Kerajaan Pembangkang	261
5.5 Krisis Kepimpinan Cina dalam PBS	273
5.6 Pendirian Cina dalam Pilihanraya 1994 dan Tumbangnya Kerajaan PBS di Negeri Sabah	277
5.7 Hala Tuju Perjuangan Kepimpinan Cina di bawah Pentadbiran BN	293
5.8 Pendirian Pemimpin Cina dalam Isu Penggiliran Ketua Menteri Sabah	302
5.9 Hala Tuju Kepimpinan Cina dalam Menentukan Keutuhan dan Kestabilan BN di Sabah	307
5.10 Kesimpulan	312

BAB ENAM: KESIMPULAN 313

RUJUKAN

GLOSARI

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Penduduk Cina di Sabah: Nisbah Perempuan Setiap 1000 Orang Lelaki Tahun 1931-1970	51
Jadual 2.2	Jumlah Imigran Cina Yang Tiba di Borneo Utara di Bawah Skim Tambang Percuma dan Persendirian Tahun 1921-1940	53
Jadual 2.3	Jumlah Penduduk Empat Buah Bandar Utama Tahun 1921-1960	68
Jadual 2.4	Pertambahan Penduduk Cina 1891-1960	72
Jadual 2.5	Kadar Perbandingan Jantina Kumpulan Suku Kaum Cina Tahun 1931-1960	72
Jadual 2.6	Pengeluaran Balak di Bawah Lesen Istimewa Oleh Syarikat-Syarikat Konsesi dan Taukeh Balak Pemegang Lesen Tahunan	88
Jadual 2.7	Jawatan-Jawatan Dewan Perniagaan Tionghua Sandakan diisi oleh Taukeh-Taukeh Balak Yang Sama Pada Tahun 1949-1962	89
Jadual 2.8	Taukeh Balak Yang Sama dan Penggantinya Kekal Memimpin NUBCCC 1949-1962	90
Jadual 4.1	Penduduk Sabah 1970: Beragama Islam / Bukan Islam	198
Jadual 4.11	Komposisi Pengundi Mengikut Kaum Negeri Sabah 1985	209
Jadual 4.12	Keputusan Pilihanraya Negeri Sabah 1985	211
Jadual 4.13	Undi Pilihanraya dan Kerusi-Kerusi yang dimenangi oleh BERJAYA dalam Kawasan-Kawasan Majoriti Kadazan Islam Dan Cina	212
Jadual 4.14	Kerusi-Kerusi yang dimenangi oleh BERJAYA dan Komposisi Pengundi Mengikut Kaum (dalam Peratus)	212
Jadual 4.15	Jumlah Undi dan Kerusi-Kerusi yang dimenangi USNO dalam Kawasan-Kawasan Majoriti Islam, Kadazan dan Cina	213
Jadual 4.16	Kawasan-Kawasan Berpenduduk Islam	213
Jadual 4.17	Kerusi-Kerusi yang dimenangi USNO dan Komposisi Pengundi Mengikut Kaum (dalam Peratus)	214

Jadual 4.18	Undi dan Kerusi yang dimenangi PBS dalam Kawasan Majoriti Kadazan Islam dan Cina	215
Jadual 4.19	Kawasan-Kawasan yang dimenangi Calon PBS	216
Jadual 4.20	Kerusi-Kerusi yang dimenangi PBS dan Komposisi Mengikut Kaum dalam Pilihanraya (dalam Peratus)	217
Jadual 4.21	Jumlah Undi dan Kerusi yang dimenangi Parti-Parti Politik dalam Kawasan Majoriti Penduduk Melayu, Kadazan dan Cina	217
Jadual 5.1	Pilihanraya Negeri Sabah 1986	232
Jadual 5.11	Kerusi yang dimenangi PBS dan Komposisi Kaum Pengundi 1986 (dalam Peratus)	233
Jadual 5.12	Undi dan Kerusi yang dimenangi PBS dalam Kawasan Majoriti Kadazan, Islam dan Cina	234
Jadual 5.13	Kerusi-Kerusi yang dimenangi PBS dan Komposisi Mengikut Kaum dalam Pilihanraya (dalam Peratus)	235
Jadual 5.14	Undi dan Kerusi yang dimenangi USNO dalam Kawasan Majoriti Kadazan, Islam dan Cina	235
Jadual 5.15	Kawasan yang dimenangi PBS Mengikut Majoriti Pengundi Cina dan Kadazan	236
Jadual 5.16	Kawasan yang dimenangi USNO Mengikut Majoriti Pengundi Islam	236
Jadual 5.17	Parti-Parti Politik yang Bertanding	252
Jadual 5.21	Jumlah Undi yang diperolehi Pelbagai Parti Politik dalam Pilihanraya 1990	252
Jadual 5.22	Jumlah Undi yang diperolehi Pelbagai Parti Politik dalam Pilihanraya Negeri 1986 (Kawasan Pelbagai Kaum)	253
Jadual 5.23	Jumlah Undi yang diperolehi Pelbagai Parti Politik dalam Pilihanraya Negeri 1990 (Kawasan Pelbagai Kaum)	254
Jadual 5.30	Undi Popular	257
Jadual 5.31	Kawasan-Kawasan Persaingan Sengit	258

Jadual 5.32 Keputusan PBS, USNO dan BERJAYA dalam Tiga Pilihanraya Negeri	259
Jadual 5.40 Calon Utama Cina dalam Pilihanraya Negeri 1994 di Kawasan Berkenaan	260



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Hubungan Antara Kepimpinan, Nilai dan <i>Survival</i>	12
Rajah 2.1	Struktur Pentadbiran Jepun di Sabah dan Sarawak	80
Rajah 5.3	Keputusan Pilihanraya Sabah 1994 Kudat,Tanjong Papat, Elopura dan Likas	286



SINGKATAN

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AKAR	Angkatan Keadilan Rakyat
BERJAYA	Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah
BIMP-EAGA	<i>Brunei, Indonesia, Malaysia and Philippines-East Asean Growth Area</i>
BN	Barisan Nasional
BUNAP	<i>Borneo Utara National Party</i>
C.B.E	<i>Commander of the Most Excellent Order of the British Empire</i>
CPA	<i>Commonwealth Parliamentary Association</i>
DPNB	<i>Democratic Party of North Borneo</i>
DPT	Dewan Perniagaan Tionghua
DUN	Dewan Undangan Negeri
DYMM	Duli Yang Maha Mulia
ICT	<i>Information and Communication Technology</i>
IDS	<i>Institute of Development Studies</i>
IGC	<i>Inter-Government Committee</i>
JMSMCJ	Jawatankuasa Majlis Sekolah Menengah Cina Jesselton
KKIP	<i>Kota Kinabalu Industrial Park</i>
KLSE	<i>Kuala Lumpur Stock Exchange</i>
LDP	<i>Liberal Democratic Party</i>
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>



UNIVERSITY MALAYSIA SABAH
Information and Communication Technology

MSCC	<i>Malaysian Solidarity Consultative Committee</i>
MUIS	Majlis Ugama Islam Sabah
NBCA	<i>North Borneo Central Archives</i>
NBUCCC / SUCCC	<i>North Borneo United Chinese Chamber of Commerce / Sabah United Chinese Chamber of Commerce</i>
O.B.E	<i>Officer of British Empire</i>
OCDN	<i>Overseas Chinese Daily News</i>
O.K.K	Orang Kaya-Kaya / Ketua Anak Negeri.
PAP	<i>People Action Party</i>
PASOK	Pertubuhan Kebangsaan Pasok Nunuk Ragang Bersatu
PASOK MOMOGUN	Pertubuhan Nasionalis Kadazan Penampang
PBRS	Parti Bersatu Rakyat Sabah
PBS	Parti Bersatu Sabah
PBS-PLUS	Parti Bersatu Sabah Dan Bekas USNO
PDS	Parti Demokratik Sabah
PERKIM	Pertubuhan Pendakwahan Dan Kebajikan Islam Malaysia
PM	Perdana Menteri
POCBU / NBCA	Pertubuhan Orang Cina Borneo Utara / <i>North Borneo Chinese Association</i>
SANAP	<i>Sabah National Party</i>
SAPP	<i>Sabah Progressive Party</i>
SCA	<i>Sabah Chinese Association</i>
SDP	<i>Social Democratic Party</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SF	<i>Sabah Front (Barisan Sabah); USNO-PASOK-SCCP</i>
SPM	<i>Sijil Pelajaran Malaysia</i>
SUPP	<i>Sarawak United Peoples' Party</i>
TYT	<i>Tuan Yang Terutama</i>
UAP	<i>United Action Party</i>
UMNO	<i>United Malay National Organisation</i>
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UNIV.	Universiti
UNKO	<i>United National Kadazan Organisation</i>
UP	<i>United Party</i>
UPKO	<i>United Pasokmomogun Kadazan Organisation</i>
USIA	<i>United Sabah Islamic Association</i>
USNO	<i>United Sabah National Organisation</i>



UNIVERSITI
MALAYSIA
SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Kepimpinan merupakan satu subjek yang menarik kepada semua golongan masyarakat. Kepimpinan memberi gambaran individu yang berkuasa dan dinamik, yang memerintah tentera atau mengarah empayar masyarakat. Sejarah manusia penuh dengan pemimpin tentera, politik, agama dan sosial.¹ Perjuangan pemimpin yang berani dan bijaksana menjadi intipati legenda dan mitos.

Banyak telah ditulis tentang kepimpinan. Teori sifat, cuba mencari sifat-sifat sahsiah (personaliti) sejagat. Diandaikan bahawa pemimpin mempunyai sifat-sifat yang tidak dippunyai oleh bukan pemimpin. Teori perilaku, cuba menghuraikan kepimpinan melalui perilaku orang yang memimpin. Teori kontigensi berasaskan andaian bahawa pemimpin mempunyai sifat-sifat sahsiah, sosial, fizikal, atau intelektual yang berbeza daripada bukan pemimpin. Senarai sifat ini termasuk: kecerdasan, karisma, ketegasan, ketekunan, kekuatan, keberanian, kejujuran, kesabaran, keyakinan diri, dan lain-lain².

Terdapat perbeaan sifat-sifat yang dimiliki oleh pemimpin terkenal seperti Nabi Muhammad s.a.w., Winston Churchill, Martin Luther King, John F. Kennedy, Sukarno, Nasser, Lee Iaococca, Margaret Thatcher, Tunku Abdul Rahman, Dr. Mahathir Mohamad, Lee Kuan Yew dan Ted Turner, umpamanya. Mereka ini

¹ House, R. 1971. *A Path-Goal Theory of Leadership Effectiveness*. New York: Admin. Science Quarterly Press, 321–339.

² Katz, D. dan Kahn. R. 1966. *The Social Psychology of Organisations*. New York: Wiley Ltd.Co.

memenuhi takrifan kita sebagai pemimpin tetapi mereka mempunyai ciri-ciri yang sungguh berbeza.

Sesetengah pemimpin menyemarakkan semangat dan kesetiaan yang begitu tinggi dan membawa masyarakat mereka ke mercu kecemerlangan. Walaupun perkara ini telah lama menjadi subjek perbahasan, penyelidikan ke atasnya baru dimulakan dalam abad ini. Malah di negara kita penyelidikan tentang kepimpinan baru dimulakan. Tumpuan penyelidikan adalah pada faktor penentu keberkesanan pemimpin dan kepimpinan. Ahli sains perilaku manusia cuba mengkaji ciri-ciri pemimpin dan kepimpinan, perilaku, sumber kuasa atau aspek persekitaran menentukan pengaruh pemimpin ke atas pengikut dan mencapai objektif mereka.³


Kepimpinan Karismatik ditakrifkan oleh Max Weber⁴ sebagai "bermula kepada kesucian yang luar biasa, heroisme teladan dari peribadi, dan pola normatif atau perintah diwahyukan". Dia mendefinisikan Karisma sebagai "suatu kualiti tertentu dari keperibadian seseorang, berdasarkan apa yang terpisah dari orang biasa dan diperlakukan sebagai dikurniakan dengan supernatural, atau sekurang-kurangnya khas kekuatan luar biasa atau kualiti. Ini seperti tidak dimiliki oleh orang biasa, tetapi dianggap sebagai berasal dari Tuhan atau sebagai teladan, dan atas dasar mereka individu yang berkenaan diperlakukan sebagai pemimpin. Bagaimana kualiti dalam soalan akan pada akhirnya dinilai dari etika, estetika, atau pandangan lain seperti yang dialami untuk tujuan definisi".

³ Bass, B. 1990. *Handbook of Leadership: A survey of Theory and Research*. New York: Free Press.

⁴ Weber, Max. 1947. *The Theory of Social and Economic Organization*. New York: The Free Press.

Orang Karismatik memiliki kemampuan luar biasa untuk menapis idea-idea yang kompleks ke dalam mesej yang sederhana. Mereka berkomunikasi dengan menggunakan simbol, analogi, metafora dan cerita. Seterusnya mereka menikmati risiko, mereka mempunyai optimis yang besar, mereka adalah pemberontak yang melawan konvensyen, dan mereka mungkin tampak unik.

Pemimpin karismatik yang digambarkan sebagai pahlawan yang mempunyai asas kekuatan sosial untuk menetapkan perputaran, memulakan usaha baru, menginspirasi kemas sesebuah masyarakat, dan memperoleh prestasi yang luar biasa dari ahli masyarakatnya. Para pemimpin ini menumbuhkan kepercayaan pada diri sendiri. Sudah tentu ini tidak ada jaminan bahawa misi akan benar, etika, atau berjaya.



Edwin Lee,⁵ beliau menjelaskan atribut perilaku pemimpin berwibawa sebagai bervisi, artikulasi, kepekaan terhadap persekitaran hidup, kepekaan terhadap keperluan ahli-hali masyarakat dan menunjukkan perilaku yang disegani dan mampu membawa kebaikan kepada ahli-ahli masyarakat. Beliau banyak menyentuh kriteria utama kepimpinan tersebut ialah pengaruh ekonomi dan kebolehan berbahasa Inggeris seseorang pemimpin Cina demi menjaga kepentingan sosio-ekonomi dan sosio-politik mereka. Beliau turut menyentuh pemimpin-pemimpin Cina dari kalangan ahli perniagaan yang berkebolehan berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris atau berpendidikan Inggeris yang dipilih menjadi ahli Majlis Perundangan Negeri. Antara pemimpin-pemimpin Cina tersebut ialah seperti Philip Lee Thau Sang, Khoo Siak Chiew dan Pang Tet Tshung (semasa

⁵ Lee, Edwin. 1976. Chinese Leadership And Indigenous Challenge In The Last Phase of British Rule. *The Towkays of Sabah*. Singapore: Singapore University Press.

Kolonial British). Kepimpinan Cina Sabah ini menjadi sumber panduan utama penulis dari segi meninjau kepimpinan Cina pada zaman pra dan pasca Perang Dunia Kedua (BNBCC dan Kolonial British) khususnya berkenaan cadangan pembentukan Malaysia, dan peringkat awal kemerdekaan sehingga tahun 1967.

Menurut Tun Dr. Mahathir Mohammad,⁶ kepimpinan bererti keupayaan memimpin. Kepimpinan memerlukan kesedaran bahawa perlu sentiasa menyesuaikan diri dengan keperluan-keperluan semasa dan sedia bertindak untuk melakukan perubahan. Pemimpin tidak boleh membiarkan dirinya diperalatkan dan hanya mengikut telunjuk pihak-pihak tertentu sahaja. Dalam konteks kerajaan dan negara, pemimpin mesti berani untuk memperjuangkan kebaikan rakyat khususnya, dan memperjuangkan nasib bangsa kita seterusnya. Pemimpin mesti sentiasa berani memberikan pendapat, berani mengkritik demi kebenaran, berani melakukan perubahan demi kebaikan dan seterusnya mestilah berani menghadapi risiko atas apa jua tindakan yang dilakukan. Setiap tindakan atau perubahan yang hendak dilakukan, mestilah dilakukan secara bersama. Seorang ketua tidak akan dapat melakukan sesuatu perkara tanpa kerjasama pengikut-pengikutnya yang lain.⁷

Mengikut pepatah Melayu, bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat. Oleh yang demikian, semua kaum di seluruh negara mestilah bersatu hati serta mempelajari erti perjuangan. Orang yang telah dipilih menjadi pemimpin, mestilah memenuhi kehendak serta ciri-ciri kepimpinan, manakala yang

⁶ Mahathir Mohammad. 2003. *Memperkasakan Perjuangan UMNO*. Kuala Lumpur: PWTC.

⁷ *Ibid*

menjadi pengikut pula harus sedar bahawa mereka tidak terlepas dari tanggungjawab serta amanah sebagai rakyat.⁸

Menurut Dennis N. T. Perkins,⁹ kepimpinan bererti keupayaan memimpin ke arah matlamat jangka panjang dengan memberi penumpuan pada objektif-objektif jangka pendek. Seseorang pemimpin akan menetap visi nyata dengan optimis dan berkeyakinan untuk mencapai visi tersebut. Seseorang pemimpin juga harus mempunyai stamina personal dan menekan semangat bekerjasama di kalangan ahli-ahlinya. Ia harus meminimakan perbezaan pendirian dan memberi penekanan pada persamaan dan saling hormat-menghormati di antara satu sama lain. Pemimpin haruslah mengelakkan diri daripada perjuangan mengumpul kuasa semata-mata. Pemimpin perlu memimpin ke arah membawa kemakmuran yang dapat dikongsi bersama dengan ahli-ahlinya. Dalam pada itu, pemimpin perlu sanggup menghadapi risiko besar dan mencari penyelesaian secara kreatif dan berterusan tanpa menyerah kalah. Sifat kepimpinan ini ada pada kebanyakan pemimpin Cina terutamanya Datuk Yong Teck Lee.

Menurut Catherine McCarthy,¹⁰ kepimpinan ialah satu proses yang mana seseorang mampu mempengaruhi dan meyakinkan orang lain tentang sesuatu matlamat yang ditetapkannya untuk dicapai. Kepimpinan merangkumi proses

⁸ *Ibid.* Dalam proses membina kepimpinan, kefahaman serta kesetiaan terhadap dasar-dasar perjuangan parti amat penting sekali. Bukan itu sahaja, kesungguhan serta penumpuan untuk menjayakan matlamat perjuangan tanpa mengenal batasan masa, pengorbanan, komitmen dan tindakan yang berterusan mestilah menjadi amalan semua rakyat. Hanya mereka yang memahami erti perjuangan layak digelar pemimpin bangsa. Keperibadian yang ditunjangi dengan kekuatan amalan ajaran agama dan kecintaan yang mendalam terhadap bangsa sahajalah yang dapat mengelakkan seseorang itu dari terpengaruh dengan perkara-perkara yang boleh melemahkan bangsa itu sendiri.

⁹ Perkins D.N.T. 2000. *Leading At The Edge*. New York: AT & T. Co.

¹⁰ McCarthy, C. 2000. *A Powerful Exploration of the Meaning of Leadership*. New York: AT & T Co.

penyampaian seperti kepercayaan, nilai-nilai etika, tingkah laku, pengetahuan dan kemahiran. Kepimpinan yang berkesan akan menyebabkan pengikut-pengikutnya mempunyai keinginan yang tinggi untuk mencapai matlamat yang ditetapkan.

Kepimpinan juga didefinisikan sebagai keupayaan memimpin dengan menetapkan atau berkongsi visi, memberi tumpuan pada ahli-ahli masyarakat, mengurus perubahan, berunding dengan golongan sasaran, mewujudkan pasukan dan kumpulan sokongan, berkongsi informasi, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan yang bijak. Dalam pada itu, mengurus proses-proses pelaksanaan sesuatu visi juga penting, seperti mengurus projek-projek ahli-ahli masyarakat, memaparkan kebolehan, mengurus masa dan sumber-sumber. Seseorang pemimpin perlu memikul tanggungjawab, mengambil inisiatif melangkau keperluan atau tuntutan semasa, bijak mengawal emosi, memaparkan etika profesional, menunjukkan komitmen dalam menuju ke arah mencapai visi.¹¹

Setakat ini telah dilihat kepimpinan dari perspektif konsep atau teori. Dua lagi aspek umum yang berkait rapat di antara satu dengan yang lain adalah nilai dan *survival*/ kepimpinan sesebuah masyarakat. Nilai di dalam kepimpinan sangat berpengaruh di dalam perkembangan politik sesuatu tempoh masa. Ia merangkumi perkara-perkara asas *survival* sesebuah masyarakat. *Survival* sesebuah masyarakat akan menjadi lebih jelas dan mantap dengan melihat nilai yang ada dalam kepimpinannya.

¹¹ Achieve Global. 1999. *A New Baseline of Data About Leadership Behavior*. New York: The Times Mirror Co.